



Objektif Penganjuran Majlis Malam Apresiasi ini ialah:

- a) Meraikan pemain-pemain industri dan alumni dalam satu majlis makan malam.
- b) Mengiktiraf sumbangan pemain-pemain industri dan alumni kepada Universiti Sains Malaysia.
- c) Menjadi platform dalam merapatkan hubungan Alumni Bersama Alma Mater.

Majlis disempurnakan oleh Yang Amat Berbahagia Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka dan turut dihadiri oleh isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah Binti Ab Rahman, YBhg. Dato' Seri Awang Adek Hussin, Pengurus Lembaga Gabenor USM, YBhg. Profesor Dato' Seri Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed, Naib Canselor USM, Dr. Mohamed Maliki Mohamed Rapiee, Presiden Persatuan Alumni USM, Ahli-ahli LGU USM, Timbalan-Timbalan Naib Canselor USM, pegawai-pegawai BHEPA & BJIM dan tetamu kenamaan lain.





Dalam majlis tersebut, penyerahan sumbangan khas USM kepada Tabung Kemanusiaan Palestin Media Prima berjumlah RM20,000 turut disampaikan sebagai tanda solidariti dan sokongan terhadap rakyat Palestin. Dalam majlis yang sama, dua kategori anugerah telah disampaikan iaitu Kategori Anugerah Alumni Perdana yang diberikan kepada YDH Toh Indera Jaya Dato' Ishak Bin Haji Mohamed dan Kategori Anugerah Alumni Muda Harapan yang diberikan kepada Encik Khairul Hafez Bin Yunus@Hamid. Turut menerima hadiah penghargaan mantan presiden adalah YBhg. Puan Sri Fauziah Shahrom dan Tuan Haji Mohd Aziz Ismaon manakala 15 orang penerima hadiah penghargaan turut disampaikan kepada pihak industri, para pemberi dana termasuk kementerian, agensi kerajaan, yayasan, dan badan bukan kerajaan yang telah menjadi rakan strategik USM.



Bertemakan From Campus to the World :
55 years of Inspiring Sustainability, penganjuran Majlis Malam Gemilang Alumni dan Industri yang dihadiri seramai 400 jemputan ini adalah satu idea yang sangat baik untuk mengukuhkan hubungan antara alumni dan dunia profesional yang bukan saja memberi manfaat kepada alumni tetapi juga kepada universiti dan industri.

